



KENYATAAN MEDIA

7 SEPTEMBER 2021

## **Masih Terdapat Pengusaha Dobi Yang Beroperasi Tanpa Lesen Yang Sah Dari ST**

**Putrajaya, 7 September** – Mana-mana pengusaha dobi di Semenanjung Malaysia dan Sabah yang menggunakan sistem gas berpaip terutamanya Gas Petroleum Cecair (LPG) untuk mesin pengering dan pemanas air di kedai dobi perlu mendapatkan kelulusan dan lesen gas yang sah dari Suruhanjaya Tenaga (ST). Ini bagi memastikan reka bentuk sistem gas berpaip di premis berkenaan dipasang mengikut piawaian yang ditetapkan serta dapat dikendalikan dengan selamat.

Pada masa ini, masih terdapat pengusaha dobi yang kurang kesedaran atau mengabaikan keperluan undang-undang dan pematuhan piawai keselamatan yang ditetapkan, sehingga menyebabkan berlakunya kes kemalangan, kebakaran atau letupan yang disebabkan oleh kebocoran gas. Ini termasuk kes kemalangan yang melibatkan letupan gas di premis dobi di Taiping, Perak pada Mei lalu, di mana seorang pengguna telah tercedera. Daripada siasatan awal pihak ST, premis dobi tersebut beroperasi tanpa kelulusan dan lesen sah daripada pihak ST.

ST menegaskan bahawa kegagalan dan keingkaran mendapatkan kelulusan dan lesen gas dari ST adalah melanggar Akta Bekalan Gas 1993 dan Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997. Kegagalan mematuhi Subseksyen 11(1) Akta Bekalan Gas 1993 boleh menyebabkan pengusaha dobi didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, jika disabitkan kesalahan. Mereka juga boleh didenda selanjutnya sehingga RM1,000 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan. Mana-mana sistem perpaipan atau bahagiannya yang digunakan atau dicadangkan hendak digunakan dalam melakukan kesalahan itu juga boleh dilucutahkan.

ST sentiasa melakukan operasi penguatkuasaan di kedai dobi yang beroperasi tanpa lesen yang sah dan tindakan undang-undang akan dikenakan kepada penguasaan kedai dobi yang gagal mematuhi kehendak undang-undang. Selain itu, bagi meningkatkan kefahaman mengenai keselamatan sistem gas berpaip dan kesedaran terhadap keperluan undang-undang serta pematuhan piawaian keselamatan di kalangan pengusaha dobi, pihak kontraktor gas, orang kompeten gas, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi kerajaan, ST buat pertama kalinya menganjurkan Webinar Keselamatan Sistem Gas Berpaip pada 25 Ogos lalu. Melalui

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

webinar ini, peserta diberi pendedahan tentang keperluan perundangan dan piawaian dari aspek keselamatan sistem gas berpaip, garis panduan sistem gas berpaip di kedai dobi, keperluan pelesenan pepasangan gas, aktiviti penguatkuasaan sistem gas berpaip dan keperluan pendaftaran peralatan gas.

Webinar ini mendapat sambutan yang sangat baik kerana dihadiri lebih 190 peserta daripada jabatan dan agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, PBT seperti Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Daerah Grik, Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Lenggong serta agensi dan syarikat swasta seperti Kontraktor Gas, Orang Kompeten Gas, Persatuan BOMBA Sukarela Sentul dan persatuan-persatuan pengusaha dobi di Malaysia.

Untuk maklumat tambahan, PBT juga disarankan merujuk kelulusan dan lesen gas yang sah dari pihak ST sebelum mengeluarkan lesen perniagaan kepada premis pengusaha dobi tersebut. Selain itu, pengusaha dobi dikehendaki supaya:

1. Menampal kelulusan dan lesen gas yang sah di premis masing-masing, sama seperti menampal lesen perniagaan.
2. Memperbaharui lesen gas setiap tahun.
3. Membuat servis dan penyenggaraan setiap dua (2) tahun oleh kontraktor gas/orang kompeten yang berdaftar dengan ST.
4. Memastikan pemeriksaan berkala oleh orang bertanggungjawab/pengusaha dobi.
5. Melakukan pemberian segera jika ada kebocoran gas, kelengkapan dan perkakas gas tidak berfungsi serta lain-lain perkara yang boleh mendatangkan bahaya kepada sistem gas berpaip di kedai dobi oleh kontraktor gas/orang kompeten yang berdaftar dengan ST.

Pihak ST juga menggesa orang ramai yang ingin menggunakan perkhidmatan dobi ini agar:

1. Pergi HANYA ke kedai dobi mempunyai kelulusan dan lesen gas dari ST.
2. Jika terhadu bau gas, SEGERA keluar kedai dan hubungi no. telefon kecemasan yang tertera atau POLIS/BOMBA.
3. Tidak merokok di kedai dobi.
4. Elakkan guna telefon bimbit di kedai dobi.
5. Tidak pergi beramai-ramai atau bersama keluarga.
6. Pergi ke kedai dobi HANYA untuk membasuh dan mengering pakaian sahaja.

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST ingin mengingatkan orang ramai atau pengguna dobi supaya mematuhi langkah-langkah di atas bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Orang ramai atau pengguna dobi juga boleh membuat aduan kepada ST dengan memberikan Nama, Alamat Kedai dan Telefon Premis, sekiranya mendapati kedai dobi beroperasi tanpa lesen dan tidak mematuhi kehendak-kehendak keselamatan yang ditetapkan melalui sistem eAduan ST dengan menghubungi talian 03-8870 8800 atau laman web ST iaitu [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my).

**\*\*\* Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: [azlinamj@st.gov.my](mailto:azlinamj@st.gov.my)/[zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)/[harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.